

Tafsiran al-Quran, Sunnah berbeza lemahkan umat Islam

Laporan HASHNAN ABDULLAH

PUTRAJAYA 13 April – Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, tafsiran terhadap al-Quran dan Sunnah yang berbeza telah mewujudkan jurang pemisah sesama umat Islam sehingga menjadikan mereka lemah dalam semua bidang kehidupan.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, tafsiran yang pelbagai itu telah melahirkan banyak mazhab sehinggalah ada di kalangan pengikut yang sanggup membunuh sesama saudara.

Beliau berkata, keadaan tersebut diburukkan lagi apabila pengikut mazhab terabit tidak berpegang teguh kepada ajaran asas agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah.

“Mereka tafsir al-Quran dan hadis mengikut kefahaman dan ilmu yang mereka miliki dan tafsiran itu dibuat bukan berniat jahat atau ada kepentingan politik.

“Tetapi para pengikut mereka akan menganggap orang lain yang tidak menerima tafsiran itu adalah tidak Islam dan mereka sanggup membunuh orang itu sebagaimana yang berlaku di Afghanistan, Pakistan, Iraq dan sebagainya.

“Apa yang menyedihkan adalah suasana tersebut telah menggembirakan musuh Islam yang sememangnya mahu u-



MAHATHIR MOHAMAD

mat Islam terus mundur dan membunuh sesama sendiri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Seminar Tajdid

UM-14/4/2006.
Tafsiran yang pelbagai telah melahirkan banyak mazhab sehinggalah ada di kalangan pengikut yang sanggup membunuh sesama saudara
– Dr. Mahathir Mohamad

Pemikiran Islam Kedua anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Center For Moderate Moslem (CMM) dan Baitulmal Wilayah Persekutuan di sini, hari ini.

Turut hadir Yang Dipertua Yadim, Dato Nakhai Ahmad dan Bekas Menteri Agama Indonesia, Dr. Tarmizi Taher.

Seminar tiga hari itu dihadiri oleh 150 peserta dari Malaysia dan Indonesia dengan lapan kertas kerja dibentangkan.

Tafsiran

Dr. Mahathir berkata, jika umat Islam berpegang teguh kepada ajaran fundamental (asas) Islam itu, maka apa jua tafsiran yang ada, tidak akan menyebabkan umat Islam terkeliru dan berpecah sesama sendiri.

“Kita seharusnya melihat setiap tafsiran yang dibuat oleh alim ulama terhadap al-Quran dan hadis itu sebagai usaha kita untuk memahami isi kandungannya dengan jelas.

“Lagi pun, kita harus ingat setiap tafsiran itu bergantung kepada kefahaman dan kemampuan pentafsir itu,” katanya.

Beliau berkata, kelemahan umat Islam yang seramai 1.5 bilion itu turut disebabkan oleh keengganan majoriti daripada mereka untuk menerima perubahan yang berlaku di sekitarnya.

Tetapi, katanya lagi, perubahan tersebut sepatutnya diterima oleh mereka kerana ia akan membuatkan mereka lebih yakin dengan kekuasaan Tuhan.

“Ya, kita akui banyak perubahan yang melanda dunia masa kini berbanding di zaman Rasulullah dulu tetapi kemajuan sains dan teknologi hanya boleh membantu kita mengetahui bagaimana perubahan itu berlaku tetapi ia tidak boleh jawab kenapa ia berlaku.

“Bagaimanapun, perubahan yang berlaku itu tidak akan sama sekali mengubah ajaran fundamental Islam yang dibawa oleh Rasulullah kerana Islam sesuai untuk semua zaman,” katanya.